AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
**Vol. 35. No. 11. November Issue (2026)**

# ANALYSIS OF FATWAS IN MALAYSIA ON THE PROVISION OF PRE-EXPOSURE PROPHYLAXIS (PREP) TO HOMOSEXUALS

## ANALISIS FATWA DI MALAYSIA BERKAITAN PEMBERIAN UBAT PRE-EXPOSURE PROPHYLAXIS (PREP) KEPADA HOMOSEKSUAL

Nurhidayah binti Ramli[i] Zizi Azlinda binti Mohd Yusof[ii] & Rafidah Hanim binti Mokhtar[iii]

[i] (*Corresponding author*). Pelajar Pascasiswaza Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Malaysia Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. 3241746@usim.edu.my
[ii] Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. ziziazlinda@usim.edu.my
[iii] Profesor, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. rafidahhanim@usim.edu.my.

***Article Progress***
***Received:*** *8 June 2026* ***Revised:*** *16 June 2026* ***Accepted****: 15 Sept 2026*

**Abstract**

*The HIV/AIDS epidemic poses a significant risk to communities engaged in high-risk social behaviors, including non-normative sexual activities and homosexuality. In this context, the Ministry of Health Malaysia (MOH) has implemented several measures to reduce the spread of this epidemic, such as offering Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) medication to those at elevated risk of acquiring HIV. Yet, ethical and religious concerns have emerged about who should truly qualify for PrEP medication. This study seeks to explore the application of PrEP as a strategy for preventing HIV infection from an Islamic viewpoint in Malaysian society. The primary aim of this research is to examine the decision regarding the implementation of PrEP for HIV prevention in the context of individuals engaged in same-sex sexual activities from an Islamic viewpoint. This research utilizes a qualitative method via library research techniques to gather pertinent data and information. The results suggest that giving PrEP medication to homosexual individuals is deemed unacceptable since homosexual acts are perceived as incompatible with human nature based on Islamic teachings. In summary, this research raises awareness in society about the necessity of providing PrEP medication solely to those who are truly qualified and in line with Islamic values.*

**Keywords:** *HIV, Prevention, Pre-Exposure*

**Abstrak**

*Krisis HIV/AIDS merupakan ancaman serius kepada golongan yang terlibat dalam aktiviti sosial berisiko tinggi seperti amalan seks songsang dan homoseksual. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membendung penularan wabak ini, antaranya melalui pemberian ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) kepada individu yang berisiko tinggi dijangkiti HIV. Namun demikian, timbul persoalan dari sudut etika dan agama mengenai pihak yang benar-benar layak menerima ubat PrEP tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti penggunaan PrEP sebagai langkah pencegahan jangkitan HIV dari perspektif*

*Islam dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis hukum penggunaan PrEP dalam konteks pencegahan HIV dalam kalangan pengamal seks songsang menurut perspektif Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan bagi memperoleh data dan maklumat yang relevan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual adalah tidak dibenarkan kerana amalan homoseksual bercanggah dengan fitrah kejadian manusia menurut pandangan Islam. Kesimpulannya, kajian ini memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan menyalurkan ubat PrEP kepada golongan yang benar-benar layak serta menepati syarak.*

**Kata kunci:** *HIV, Pencegahan, Pre-Exposure*

## PENDAHULUAN

Dalam arus kemodenan, masyarakat semakin terdedah kepada pelbagai permasalahan sosial yang disebarkan melalui media massa dan media sosial. Fenomena seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, perlakuan seksual berisiko dan pelbagai gejala sosial yang lain semakin mendapat perhatian dalam masyarakat. Antara isu kesihatan awam yang turut menunjukkan perkembangan yang membimbangkan ialah jangkitan HIV dalam kalangan golongan muda.

Berdasarkan *Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia* 2023, sebanyak 77% daripada kes jangkitan HIV baharu yang dilaporkan pada tahun 2022 melibatkan individu berumur antara 20 hingga 39 tahun. Manakala, laporan Sinar Harian (2024) menyatakan bahawa peningkatan kes HIV dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini amat membimbangkan.

Data menunjukkan bahawa individu berumur antara 18 hingga 25 tahun yang sedang melanjutkan pelajaran di IPT merupakan antara kumpulan yang dikenal pasti berisiko dalam isu tersebut[1]. Jika isu ini tidak ditangani segera, ia berpotensi memberikan kesan negatif bukan sahaja kepada individu terbabit, malah kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

Pada peringkat awal, epidemik HIV di Malaysia didorong terutamanya oleh penggunaan dadah secara suntikan (PWID), yang merangkumi sekitar 70% hingga 80% daripada keseluruhan kes yang dilaporkan setiap tahun. Walau bagaimanapun, corak penularan tersebut mula berubah kepada penularan melalui hubungan seksual sejak tahun 2011.

Golongan lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki (MSM) pula dijangka menjadi antara pemacu utama epidemik HIV pada masa akan datang. Selain itu, lebih 70% jangkitan HIV baharu pada tahun 2017 dilaporkan dalam kalangan individu berumur 20 hingga 39 tahun (*Malaysian AIDS Council* [MAC], t.t.). Sebagaimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang melaporkan peningkatan statistik komuniti gay di Malaysia.

Statistik pada tahun 2018 menunjukkan bahawa seramai 310,000 lelaki dikenal pasti terlibat dalam komuniti tersebut, berbanding 173,000 individu yang direkodkan pada tahun 2013[2]. Menurut laporan JAKIM, peningkatan jumlah ini menyumbang kepada penularan kes HIV dalam kalangan mereka. Sehubungan itu, KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengurangkan kadar jangkitan, antaranya dengan pemberian ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) kepada individu yang berisiko tinggi dijangkiti HIV di Malaysia.

---

[1] Abd Kadir, Farhana. "Peningkatan kes HIV seiring kejatuhan moral anak muda." *Sinar Harian,* 10 Julai 2024. 18.2.2025 https://www.sinarharian.com.my/article/674167/suara-sinar/analisis-sinar/peningkatan-kes-hiv-seiring-kejatuhan-moral-anak-muda

[2] Berita Harian. "Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM." *Berita Harian Online,* 22 Oktober 2018.20.2.2025 https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972

Isu ini bukanlah sesuatu yang baharu. Malah, sejak zaman Nabi Lut lagi, golongan sebegini sudah pun wujud. Perkara ini juga telah disebut secara jelas dalam al-Quran, Firman Allah SWT:

﴿ وَجَاءَهُ قَوْمُهُ يُهْرَعُونَ إِلَيْهِ وَمِن قَبْلُ كَانُوا يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ ۚ قَالَ يَا قَوْمِ هَٰؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ ۖ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُخْزُونِ فِي ضَيْفِي ۖ أَلَيْسَ مِنكُمْ رَجُلٌ رَّشِيدٌ﴾

Maksudnya, "*Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: "Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka). Oleh itu takutlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu memberi malu kepadaku mengenai tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)?"* (Surah Hud 11:78)

Berdasarkan Tafsir Ibn Kathir (2004)[3], Surah Hud ayat 78 menjelaskan bahawa ketika para malaikat datang sebagai tetamu kepada Nabi Lut, kaumnya datang dengan bergegas ke rumah baginda. Firman Allah:

﴿يُهْرَعُونَ إِلَيْهِ﴾

Maksudnya, "*mereka bergegas kepadanya*".

Menurut Ibn Kathir, ini menunjukkan mereka datang dengan tergesa-gesa dan penuh nafsu untuk melakukan perbuatan keji yang telah menjadi kebiasaan mereka, iaitu homoseksual.

Nabi Lut kemudian berkata kepada kaumnya

﴿ قَالَ يَا قَوْمِ هَٰؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ ﴾

Maksudnya, "*Wahai kaumku, inilah puteri-puteriku, mereka lebih suci bagimu*."

Menurut tafsir, "puteri-puteriku" merujuk kepada wanita-wanita dari kalangan umatnya, kerana setiap nabi dianggap sebagai bapa kepada umatnya. Baginda mengajak mereka untuk kembali kepada fitrah dengan menikahi wanita secara halal, dan bukan melakukan perbuatan terlarang. Nabi Lut juga mengingatkan mereka agar bertakwa kepada Allah dan tidak mencemarkan kehormatannya di hadapan para tetamunya.

Justeru, amat jelas bahawa perbuatan tidak bermoral seperti ini bukan sahaja tidak memberikan sebarang manfaat, malah membawa kemudaratan yang besar. Dalam ayat al-Quran yang disebutkan, Allah dengan tegas melarang perbuatan keji tersebut. Hal ini demikian kerana amalan seks songsang boleh meningkatkan risiko jangkitan penyakit berbahaya seperti HIV/AIDS (KKM, *Malaysian Guidelines Management of Sexuality Transmitted Infectuion (STIs),* 2024). Oleh sebab itu, larangan tersebut ditetapkan oleh Allah demi menjaga kesucian fitrah manusia dan kesejahteraan masyarakat.

Artikel ini bertujuan untuk menyoroti kajian-kajian terdahulu mengenai penggunaan ubat PrEP sebagai langkah pencegahan jangkitan HIV dari perspektif Islam. Selain itu, artikel ini juga menganalisis hukum dan fatwa berkaitan penggunaan PrEP dalam kalangan individu yang mengamalkan hubungan sejenis, bagi menilai secara ilmiah sejauh mana pemberian ubat ini sesuai untuk golongan yang layak menerimanya. Hal ini penting kerana kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan berkenaan pemberian PrEP kepada golongan homoseksual, khususnya dari sudut pandangan syariah.

[3] Ibn Kathir, Ismail bin 'Umar. *Tafsir al-Qur'an al Azim*. Riyadh: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi', 2004.

**KAJIAN LITERATUR**

Kajian ini akan memulakan sorotan literatur dengan meneliti penularan jangkitan HIV/AIDS yang berpunca daripada amalan homoseksual. Seterusnya, kajian ini akan memberikan gambaran mengenai ubat PrEP yang dikatakan berupaya mencegah penularan HIV/AIDS. Akhir sekali, sorotan akan tertumpu kepada hukum dan fatwa berkaitan penggunaan ubat profilaksis PrEP dalam kalangan pengamal homoseksual.

Pepatah 'mencegah lebih baik daripada mengubati' membawa maksud bahawa mengambil langkah pencegahan awal untuk mengelakkan sesuatu masalah, terutamanya penyakit, adalah lebih berkesan dan bermanfaat berbanding merawatnya setelah berlaku. Konsep ini menekankan kepentingan pencegahan dalam menjaga kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan individu serta masyarakat.

Dari perspektif Islam, konsep pencegahan dianggap lebih utama daripada pengubatan. Al-Quran dan al-Sunnah menekankan kepentingan langkah-langkah pencegahan dalam bidang perubatan. Menurut Abdullah (2019), kedua-dua sumber utama ini telah menyediakan panduan pencegahan awal terhadap wabak dan penyakit berjangkit yang wajar diamalkan oleh setiap Muslim.

Maksudnya, "*Dan Kami turunkan dari Alquran (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman, sedangkan bagi orang yang zalim (al-Quran itu) hanya akan menambah kerugian".*

Ayat ini menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja sebagai panduan hidup, tetapi juga sebagai sumber penyembuhan dan rahmat bagi mereka yang beriman. Sehubungan itu, KKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membanteras penularan HIV/AIDS . Antaranya termasuk pemberian ubat PrEP kepada individu berisiko tinggi, terutamanya pasangan sah yang menghidap HIV, sebagai langkah pencegahan berasaskan bukti yang telah diamalkan di Malaysia.

Berdasarkan laporan KKM (2021), antara strategi utama untuk mengurangkan jangkitan HIV baharu ialah mempromosikan penggunaan PrEP dalam kalangan golongan berisiko tinggi. Seterusnya, pada 12 Disember 2022, KKM telah mengumumkan pelaksanaan program perintis pemberian PrEP secara percuma di klinik kesihatan terpilih bermula Januari 2023, khususnya di negeri-negeri dengan kadar prevalens HIV yang tinggi.

Program ini bertujuan untuk membendung penularan HIV/AIDS di Malaysia, khususnya dalam kalangan populasi berisiko tinggi contoh seperti golongan lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki (MSM), pasangan serodiskordan, individu aktif secara seksual serta individu yang menggunakan dadah (*National Guideline on HIV PrEP Program Implementation*, 2025).

Menurut laporan KKM (2023), projek rintis PrEP Gov telah dilaksanakan di 21 Klinik Kesihatan bagi menilai kebolehlaksanaan serta impak kesihatan awam dalam penyediaan PrEP kepada golongan berisiko. Program ini juga dirancang untuk diperluaskan ke 31 klinik pada tahun 2024.

Tidak dinafikan bahawa KKM telah mengambil langkah dalam mencegah penularan HIV di Malaysia melalui pemberian ubat PrEP kepada golongan berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, pengumuman ini telah menimbulkan perbahasan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia, khususnya berkaitan pemberian PrEP kepada golongan homoseksual yang berstatus HIV negatif, kerana ia dilihat bertentangan dengan nilai-nilai agama dan budaya tempatan. Hal ini kerana ia dikhuatiri akan membawa lebih banyak *mafsadah* (keburukan) berbanding *maslahah* (kebaikan) pada masa hadapan.

Sehubungan itu, satu penilaian yang mendalam menurut perspektif Islam perlu dilakukan bagi mengelakkan kekeliruan dalam isu pemberian ubat PrEP kepada golongan yang mengamalkan hubungan sejenis. Hal ini penting kerana golongan ini dikhuatiri membawa mafsadah yang boleh memberi kesan negatif terhadap akhlak dan masa depan generasi muda pada masa kini.

Sehubungan dengan itu, kajian Rosdi et al. (2025) turut memberikan pandangan berkaitan pertimbangan syariah dalam menangani isu kesihatan. Walaupun kajian tersebut membincangkan aspek hukum dan prinsip syariah yang berkaitan, kajian yang menganalisis secara khusus keputusan fatwa negeri-negeri di Malaysia berkaitan pemberian dan penggunaan PrEP masih kurang diberi perhatian.

Khususnya, terdapat perbezaan pendekatan dalam menentukan hukum pemberian PrEP kepada golongan berisiko, yang memerlukan penelitian terhadap asas pertimbangan hukum yang digunakan oleh setiap negeri. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis keputusan fatwa negeri-negeri di Malaysia berkaitan pemberian PrEP, dengan memberi tumpuan kepada aspek *'illah*, *maslahah*, *mafsadah*, *maqasid al-syariah* dan kaedah fiqh yang menjadi asas dalam penetapan hukum.

**Fatwa-fatwa Negeri di Malaysia: Hukum Penggunaan PrEP**

Dewasa ini, masalah sosial terus menjadi isu yang hangat diperkatakan kerana telah mencapai tahap yang membimbangkan. Antara isu utama yang mendapat perhatian ialah peningkatan mendadak kes berkaitan komuniti homoseksual. Situasi ini amat merisaukan kerana kadar jangkitan HIV semakin meningkat dari semasa ke semasa. Oleh itu, KKM mengambil inisiatif untuk mengurangkan kadar jangkitan HIV dalam kalangan rakyat Malaysia dengan menyediakan ubat PrEP kepada golongan berisiko tinggi.

Namun demikian, timbul persoalan, golongan manakah yang layak menerima ubat PrEP menurut pandangan Islam? Sehubungan dengan itu, isu berkaitan penggunaan ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP) dalam kalangan individu yang berisiko tinggi terhadap jangkitan HIV semakin mendapat perhatian daripada golongan profesional kesihatan, sarjana akademik serta institusi fatwa di Malaysia.

Perkara ini menimbulkan perbahasan dari sudut syariah, khususnya berkaitan pemberian PrEP kepada golongan homoseksual yang penggunaannya dikaitkan dengan usaha mencegah jangkitan HIV daripada perlakuan yang dilarang oleh syarak. Justeru, penggunaan PrEP tidak wajar dinilai hanya berdasarkan perspektif perubatan dan kepentingan pencegahan penyakit, malah perlu turut diteliti berdasarkan prinsip, kaedah dan pertimbangan hukum Islam.

Dalam konteks Malaysia, beberapa institusi fatwa negeri telah mengemukakan pandangan serta keputusan berkaitan isu tersebut dengan mempertimbangkan aspek pemeliharaan nyawa, pencegahan kemudaratan dan larangan terhadap perbuatan maksiat. Oleh yang demikian, perbincangan ini akan memberi tumpuan kepada keputusan dan pandangan hukum berkaitan penggunaan PrEP di beberapa negeri di Malaysia serta meneliti asas pertimbangan syariah yang menjadi sandaran dalam penetapan hukum tersebut.

**Diharuskan dalam Kes Pencegahan Penyakit**

Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2022), secara asasnya, pemberian atau pengambilan ubat yang tidak memudaratkan adalah dibenarkan. Namun, dalam konteks ini, ramai pesakit HIV terdiri daripada golongan yang terlibat dengan amalan seks songsang atau homoseksual. Justeru, adalah penting untuk ditekankan bahawa pemberian ubat PrEP perlu disertakan dengan syarat dan kerangka yang selari dengan prinsip-prinsip fiqh.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2022) dan Negeri Selangor (2025) telah mengeluarkan kenyataan bahawa pemberian ubat PrEP kepada golongan berisiko tinggi HIV adalah diharuskan, termasuk kepada pasangan suami isteri yang sah. Langkah ini bertujuan untuk mencegah penularan penyakit berbahaya seperti HIV/AIDS. Pendekatan ini juga selaras dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, 'Setiap penyakit pasti ada penawarnya.

{مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا قَدْ أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً عَلِمَهُ مَنْ عَلِمَهُ وَجَهِلَهُ مَنْ جَهِلَهُ}

Maksudnya, *"Tidaklah Allah turunkan sesuatu penyakit melainkan Dia pasti turunkan juga penawar untuknya. Sesiapa yang mengetahui penawar itu pasti mengetahuinya dan sesiapa yang tidak mengetahuinya pasti tidak mengetahuinya."* (Hadis Riwayat Ahmad)

Menurut hadis di atas, setiap penyakit mempunyai penawarnya. Oleh itu, umat Islam dianjurkan untuk berusaha mencari penawar bagi sesuatu penyakit sebagaimana yang dianjurkan dalam hadis. Namun begitu, langkah pencegahan daripada melakukan aktiviti berisiko tinggi (abstinens) juga termasuk sebagai salah satu usaha mencegah penyakit (*National Guideline on HIV PrEP Program Implementation*, 2025).

Walau bagaimanapun, penelitian yang lebih mendalam perlu dilakukan selaras dengan prinsip syariah bagi menentukan pihak yang benar-benar layak menerima ubat PrEP ini. Hal ini penting untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berhubung pemberian dan penggunaan ubat tersebut.

Selain itu, Jabatan Mufti Negeri Kedah (2023), Johor (2023), Pahang (2023) dan Selangor (2025) turut memberikan pandangan bahawa penggunaan atau pemberian ubat PrEP kepada salah seorang pasangan suami isteri yang berisiko tinggi mendapat jangkitan HIV adalah diharuskan. Keharusan tersebut berasaskan pertimbangan kemaslahatan dalam institusi kekeluargaan, khususnya bagi mencegah penularan jangkitan HIV daripada pasangan yang berisiko kepada pasangan yang lain.

Dalam konteks ini, *'illah* keharusan penggunaan PrEP adalah untuk mengelakkan kemudaratan dan penularan penyakit, memelihara nyawa (*hifz al-nafs*) serta melindungi keturunan (*hifz al-nasl*) dan keharmonian institusi keluarga. Justifikasi tersebut menunjukkan bahawa penggunaan PrEP dalam konteks perkahwinan bukan bertujuan menggalakkan perlakuan yang bertentangan dengan syarak, sebaliknya merupakan langkah pencegahan bagi melindungi pasangan dan keluarga daripada risiko jangkitan HIV.

**Jadual Hukum Penggunaan PrEP Kepada Pasangan Suami Isteri Yang Sah Menurut Fatwa-Fatwa Di Negeri Malaysia**

| Negeri | Tahun | Situasi Penggunaan PrEP | Hukum | Asas Keharusan |
|---|---|---|---|---|
| **Kedah** | 2023 | Salah seorang pasangan suami isteri berisiko mendapat HIV | Harus | Mencegah penularan HIV kepada pasangan, menjaga nyawa dan memelihara institusi keluarga |
| **Johor** | 2023 | Salah seorang pasangan suami isteri berisiko mendapat HIV | Harus | Mengelakkan kemudaratan dan penularan penyakit serta melindungi pasangan |
| **Pahang** | 2024 | Salah seorang pasangan suami isteri berisiko mendapat HIV | Harus | Pencegahan jangkitan HIV, menjaga nyawa, keturunan dan kemaslahatan keluarga |
| **Selangor** | 2025 | Salah seorang pasangan suami isteri | Harus | Mengelakkan penularan daripada dijangkiti HIV |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | berisiko mendapat HIV | | |

Berdasarkan perbandingan tersebut, dapat dilihat bahawa keharusan penggunaan PrEP dalam konteks pasangan suami isteri adalah berasaskan pertimbangan kemaslahatan dan pencegahan kemudaratan. Walaupun terdapat perbezaan dari segi perincian keputusan antara negeri, asas pertimbangannya mempunyai persamaan, iaitu usaha mencegah penularan HIV kepada pasangan yang tidak dijangkiti. Dari perspektif *maqasid al-Syariah*, pertimbangan ini berkait rapat dengan pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan keturunan (*hifz al-nasl*), di samping menjaga kemaslahatan serta kelangsungan institusi keluarga.

**Larangan dalam Konteks Homoseksual**

Saban hari, statistik menunjukkan bahawa bilangan individu homoseksual di Malaysia semakin meningkat. Menurut laporan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), populasi komuniti gay pada tahun 2018 direkodkan seramai 310,000 orang, iaitu peningkatan hampir 100% berbanding 173,000 orang pada tahun 2013. Sementara itu, jumlah golongan transgender turut menunjukkan peningkatan yang ketara, daripada 10,000 individu pada tahun 1998 kepada 30,000 individu pada tahun 2018.

Selain itu, terdapat perbezaan pandangan antara negeri dalam menetapkan hukum berkaitan pemberian PrEP kepada golongan yang berisiko dijangkiti HIV. Jabatan Mufti Perlis (2023) memutuskan bahawa pemberian PrEP sebagai langkah pencegahan penularan HIV adalah diharuskan dengan mengambil kira aspek maslahah dan kemudaratan. Namun demikian, penggunaan PrEP dengan tujuan menggalakkan atau memudahkan perbuatan seks bebas dan seks songsang tetap diharamkan.

Berbeza dengan pendirian tersebut, Jabatan Mufti Selangor (2025), Kedah (2023) dan Johor (2023) menetapkan bahawa pemberian PrEP kepada individu yang diketahui mengamalkan homoseksual adalah dilarang kerana perbuatan tersebut dilihat sebagai bentuk bersubahat dalam perbuatan dosa dan maksiat. Sehubungan dengan itu, perbandingan keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang bagi tahun 2023 dan 2024 menunjukkan terdapat perincian yang lebih khusus terhadap isu pemberian PrEP kepada golongan berisiko tinggi.

Keputusan tahun 2023 menetapkan bahawa pemberian PrEP adalah harus kepada pasangan suami isteri yang sah bagi mencegah penularan HIV, manakala pemberian atau pengambilan PrEP untuk tujuan maksiat adalah dilarang dan diharamkan. Pada tahun 2024, keputusan tersebut diperincikan dengan membenarkan pemberian PrEP kepada golongan homoseksual/MSM, transgender, pekerja seks dan pengguna dadah suntikan yang ingin kembali bertaubat, dengan syarat pelaksanaannya disertai saringan, pemantauan, kaunseling, kaunseling agama dan temu janji susulan.

Oleh itu, perbezaan utama antara kedua-dua keputusan tersebut terletak pada pengiktirafan keadaan khusus yang membolehkan pemberian PrEP kepada golongan berisiko tinggi atas pertimbangan pemeliharaan maqasid syariah, di samping penegasan bahawa pemberian PrEP secara bebas bagi tujuan meneruskan perbuatan yang dilarang tetap tidak diharuskan. (Jabatan Mufti Negeri Pahang, 2023, 2024).

Berdasarkan kenyataan di atas, semua *sighah* fatwa menunjukkan persamaan antara negeri-negeri, iaitu hukumnya adalah harus bagi pasangan suami isteri sekiranya salah seorang menghidap HIV, sebagai langkah pencegahan. Manakala bagi golongan homoseksual, hukumnya adalah haram kerana dianggap sebagai suatu bentuk bersubahat dengan perbuatan yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Walaupun pada asalnya KKM tidak menetapkan syarat khusus dalam kerangka pemberian PrEP, namun inisiatif ini dilaksanakan bagi mengurangkan kadar penularan HIV yang semakin meningkat di Malaysia.

**Jadual Hukum Penggunaan PrEP Kepada Golongan Homoseksual dan Pasangan Suami Isteri yang Sah Menurut Fatwa-Fatwa Di Negeri Malaysia**

| Negeri/ Tahun | Tujuan Penggunaan PrEP | Hukum | *'Illah*/Asas pertimbangan hukum |
|---|---|---|---|
| Kedah (2023) | • Pasangan suami isteri yang salah seorang daripadanya HIV positif / berisiko, serta petugas kesihatan | **Haram** jika pemberian PrEP menjadi bentuk bantuan kepada perlakuan maksiat | **Menjaga maslahah**, mencegah penularan HIV dan memelihara nyawa. |
| Perlis (2023) | • Pencegahan penularan HIV dalam kalangan golongan berisiko, termasuk MSM | **Harus** berdasarkan pertimbangan mudarat dan maslahah | **Menolak kemudaratan**, khususnya penularan HIV, dengan mengambil kira perbandingan antara maslahah dan mafsadah. |
| Johor (2023) | • Pasangan suami isteri yang sah bagi mencegah penularan HIV kepada pasangan yang belum dijangkiti | **Harus** untuk pasangan suami isteri yang sah jika tujuan maksiat adalah **haram** | **Menjaga nyawa, pasangan dan institusi keluarga** serta mencegah penularan HIV. |
| Pahang (2024) | • PrEP **harus** untuk pasangan suami isteri yang sah bagi mencegah penularan HIV kepada pasangan yang belum dijangkiti.<br>• PrEP juga **diharuskan kepada homoseksual/MSM, transgender, pekerja seks dan pengguna dadah suntikan yang ingin kembali bertaubat**, berdasarkan pemeliharaan maqasid syariah iaitu agama, nyawa dan maruah | **Harus bersyarat** bagi golongan berisiko yang ingin kembali bertaubat serta pasangan suami isteri yang sah. | **Maqasid al-Syariah**: menjaga agama, nyawa dan maruah serta kaedah *dar'u al-mafasid muqaddam 'ala jalb al-masalih* (menolak kemudaratan didahulukan daripada memperoleh kemaslahatan). Penggunaan tertakluk kepada saringan, pemantauan dan kaunseling. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Selangor (2025) | • Pasangan suami isteri yang sah bagi mencegah penularan HIV kepada pasangan yang belum dijangkiti. | **Harus** bagi pasangan suami isteri yang sah; **haram** jika digunakan untuk tujuan maksiat. | Mencegah penularan HIV dalam hubungan yang sah serta mengelakkan pemberian PrEP menjadi sarana kepada perlakuan maksiat. |

Oleh itu, analisis deskriptif dan komparatif menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan pendekatan fatwa negeri-negeri berkaitan pemberian PrEP. Perbezaan dapat dilihat dari aspek golongan sasaran, hukum, tujuan penggunaan serta syarat pemberian. Sebagai contoh, Pahang pada 2023 menekankan larangan pemberian PrEP bagi tujuan maksiat, manakala keputusan 2024 memperincikan keharusan bersyarat bagi golongan tertentu yang ingin bertaubat. Perbezaan ini menunjukkan bahawa penentuan hukum turut mengambil kira konteks risiko, tujuan penggunaan dan pertimbangan syariah.

**METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis fatwa yang berkaitan dengan pemberian ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) kepada golongan homoseksual di Malaysia. Menurut Flick (2014), pendekatan kualitatif merupakan suatu kaedah metodologi yang bertujuan memperoleh pemahaman secara mendalam dan interpretatif terhadap realiti sosial dengan meneliti pengalaman, pandangan serta latar belakang kehidupan individu.

Dalam meneliti isu pemberian PrEP kepada golongan homoseksual dari perspektif hukum dan syarak, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Pendekatan ini sesuai digunakan kerana kajian bukan sahaja meneliti aspek objektif sesuatu tingkah laku, malah turut mengambil kira makna dan tafsiran subjektif yang merangkumi pandangan, sikap, motivasi serta tingkah laku individu (Creswell, 2009). Selain itu, kaedah kajian kes turut membolehkan penyelidik memahami peristiwa dan situasi yang dialami dalam konteks tertentu (Bryman, 1989).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai salah satu pendekatan utama dalam pengumpulan data. Kaedah ini melibatkan penelitian terhadap pelbagai sumber seperti buku, karya ilmiah berkaitan fiqh kontemporari, kaedah-kaedah fiqh, al-Quran, hadis serta sumber-sumber Islam yang relevan. Analisis dokumen digunakan bagi memperoleh maklumat dan memahami perspektif hukum Islam berhubung pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual melalui penelitian terhadap karya-karya ulama dan pemikir Islam.

Antara karya utama yang dijadikan rujukan ialah *Fiqh al-Awlawiyyat* oleh Yusuf al-Qaradawi, *Al-Furuq Aw Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq, Tafsir Ibn Kathir, Al-Muwafaqat, Ihya' 'Ulum al-Din dan Syarah al-Waraqat fi Usul*. Sumber-sumber ini dianalisis bagi membantu penyelidik memahami prinsip, kaedah dan pertimbangan hukum yang berkaitan dengan isu pemberian PrEP kepada golongan homoseksual. Oleh itu, kajian perpustakaan digunakan sebagai kaedah utama dalam proses pengumpulan dan penelitian data bagi kajian ini.

Memandangkan kajian yang membincangkan secara terperinci mengenai pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual masih terhad, penyelidik turut merujuk kepada pelbagai kajian yang diterbitkan dalam jurnal bidang perubatan dan sains sosial. Sebahagian besar sumber akademik diperoleh melalui pangkalan data seperti *SAGE Journals* dan *Scopus*.

Selain itu, penyelidik merujuk kepada *National Guideline on PrEP Program in Malaysia* bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas mengenai kriteria, syarat serta garis panduan pemberian ubat PrEP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Maklumat semasa turut diperoleh melalui laporan akhbar yang berkaitan serta data

dan statistik HIV yang diterbitkan oleh KKM bagi menyokong dan melengkapkan dapatan kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### Menjaga Agama (*Hifz al-Din*)

Untuk pengetahuan umum, ubat PrEP merupakan sejenis ubat yang digunakan bagi mencegah penularan jangkitan HIV. Ubat ini diberikan kepada individu yang berisiko tinggi untuk mendapat HIV. Pada hakikatnya, ubat ini seharusnya diberikan kepada salah seorang pasangan suami isteri yang berisiko tinggi sebagai langkah pencegahan daripada jangkitan HIV, yang boleh merosakkan sistem tubuh manusia.

Namun begitu, menurut *National Guideline on HIV PrEP Program Implementation 2025*[4], halaman 11, penggunaan ubat PrEP tidak terhad kepada golongan LGBT sahaja, malah merangkumi beberapa kumpulan lain yang turut berisiko tinggi dijangkiti HIV. Oleh itu, timbul persoalan, adakah pemberian ubat ini kepada golongan LGBT boleh dianggap sebagai satu bentuk pengiktirafan atau galakan terhadap perbuatan mereka?.

Jika dilihat dari satu sudut, pemberian ubat PrEP sememangnya dapat mencegah penularan penyakit HIV. Namun demikian, dari perspektif yang lain, masih wujud keraguan terhadap pemberiannya kepada golongan homoseksual. Hal ini kerana dibimbangi pada masa akan datang, pemberian ubat tersebut boleh membawa kepada kemudaratan, termasuk kemungkinan peningkatan jumlah individu yang terlibat dalam perlakuan homoseksual di Malaysia.

Sebagai contoh, menurut data yang dikeluarkan oleh JAKIM[5], jumlah individu yang terlibat dalam gaya hidup homoseksual di Malaysia telah meningkat hampir 100 peratus dalam tempoh lima tahun, daripada kira-kira 173,000 orang kepada sekitar 310,000 orang pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, penyelidik berpendapat bahawa fatwa yang mengharamkan pemberian ubat PrEP kepada golongan berisiko tinggi seperti homoseksual merupakan langkah yang wajar disokong kerana ia bertujuan menjaga kemurnian agama dan mengelakkan kemudaratan.

Ini kerana, pemberian ubat PrEP kepada golongan ini dibimbangi akan menggalakkan lagi perlakuan tidak bermoral dalam kalangan mereka. Penyelidik berpandangan bahawa pengharaman pemberian ubat PrEP kepada golongan ini selari dengan prinsip menjaga agama (*hifz al-din*).

Sebagai lanjutan daripada itu, agama Islam merupakan teras utama kepada pembinaan tamadun Islam. Oleh sebab itulah, menjadi tanggungjawab setiap penganutnya untuk memelihara dan mempertahankan agama Islam. Islam ialah agama yang diturunkan oleh Allah SWT, dan merupakan nikmat terbesar yang menyelamatkan manusia daripada pelbagai bentuk kebinasaan di dunia dan akhirat[6].

Dalam konteks Malaysia, memelihara agama (ad-din) bermakna mengelakkan apa-apa perkara yang mungkin melanggar atau merosakkan asas-asas agama. Ini termasuk mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, di samping memastikan agama-agama lain dapat diamalkan secara aman dan harmoni sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan [7](Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021).

---

[4] Kementerian Kesihatan Malaysia. *National Guideline on HIV PrEP Program Implementation 2025. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia,* 2025, hlmn 11. 2.5.2025

[5] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). "Bilangan gay, transgender semakin meningkat." *Berita Harian Online*, 29 Oktober 2018. 14.2.2025
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangangay-transgender-semakin-meningkat-jakim.

[6] Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N. (2018). Peran Maqasid Syariah Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam Di Malaysia. Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies, 2(1), 35-46.

[7] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**.** "Huraian Aplikasi Lima (5) Prinsip Maqāṣid Syariah Dalam Tadbir Urus." *Portal Rasmi JAKIM*, 2 Februari 2021. 14.2.2025 https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus.

Orang yang terjebak dalam aktiviti haram seperti homoseksual menunjukkan sikap tidak mengambil berat atau memandang enteng terhadap perintah agama. Sebagai seorang Muslim, sepatutnya timbul rasa takut apabila melanggar syariat Islam kerana perbuatan tersebut bertentangan dengan fitrah kejadian manusia.

Oleh itu, sebagai pemerintah, menjadi satu kewajipan untuk meletakkan kepentingan agama di tempat yang teratas. Pemeliharaan akidah umat Islam adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT serta Rasul-Nya menjadi keutamaan. Selain itu, ketaatan kepada pemimpin yang memelihara syariat Islam juga perlu dititikberatkan[8] (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021).

**Mencegah Normalisasi Maksiat**

Selain itu, penyelidik juga berpendapat bahawa usaha mencegah normalisasi maksiat adalah penting. Dalam konteks ini, penyelidik menggunakan kaedah *sadd al-zarā'iʿ* sebagai asas hujah. Istilah *sadd al-zarā'iʿ* berasal daripada dua perkataan Arab, iaitu *sadd* yang bermaksud "menutup", dan *al-zarīʿah* yang bermaksud "wasilah" atau "perantara". Secara bahasa, ia membawa maksud "menutup jalan" yang boleh membawa kepada sesuatu tujuan, sama ada baik mahupun buruk [9].

Namun, dalam konteks syarak pengertian *sharʿī*, *sadd al-zarā'iʿ* merujuk kepada tindakan menutup atau menghalang perkara-perkara yang boleh menjadi jalan atau perantara kepada perlakuan yang haram atau terlarang. Oleh itu, mencegah jalan-jalan yang boleh membawa kepada kemungkaran adalah selaras dengan prinsip ini [10].

Tambahan lagi, *zarīʿah*, apabila ditinjau dari sudut tahap kemungkinan berlakunya kerosakan *mafsadah*, telah dibahagikan oleh para ulama usul kepada empat kategori. Pertama, perbuatan yang secara pasti akan membawa kepada *mafsadah*. Kedua, perbuatan yang jarang atau tidak semestinya membawa kepada *mafsadah*. Ketiga, perbuatan yang menurut sangkaan kuat (*ghalabat al-ẓann*) akan membawa kepada *mafsadah*.

Keempat, perbuatan yang mempunyai kemungkinan besar untuk membawa kepada *mafsadah*, tetapi tidak mencapai tahap sangkaan kuat mahupun keyakinan penuh. Contohnya ialah jual beli secara ansuran (kredit) yang boleh membawa kepada riba[11] Manakala menurut al-Qarafi dalam kitabnya *al-Furūq* atau *Anwār al-Burūq fī Anwāʿ al-Furūq*, *zarīʿah*[12] dari sudut bahasa bermaksud jalan yang boleh menyampaikan seseorang kepada sesuatu tujuan. Dari sudut istilah syarak pula, Imam al-Qarafi mentakrifkan *sadd al-zarīʿah* sebagai tindakan menutup pintu-pintu atau jalan-jalan yang boleh membawa kepada perkara yang diharamkan.

Berikut merupakan antara contoh *sadd al-zarā'iʿ*, pengharaman berkhalwat dengan ajnabi bagi mengelakkan berlakunya zina; pengharaman melihat wanita bukan mahram tanpa keperluan; larangan bagi seorang lelaki meminang wanita yang telah dipinang oleh orang lain bagi mengelakkan permusuhan dan kebencian; serta larangan melakukan *iḥtikār* (monopoli), kerana ia merupakan satu jalan yang boleh menyempitkan urusan manusia dalam mendapatkan makanan asasi mereka [13].

Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa pemberian ubat PrEP kepada golongan yang berisiko tinggi mendapat HIV, seperti golongan homoseksual, boleh dinilai melalui kaedah *sadd al-zarā'iʿ*. Ini kerana prinsip *sadd al-zarā'iʿ* bermaksud menutup jalan yang boleh membawa kepada kemudaratan pada masa akan datang. Justeru, pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual wajar dihentikan kerana dibimbangi akan membawa

[8] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. "Huraian Aplikasi Lima (5) Prinsip Maqāṣid Syariah Dalam Tadbir Urus." *Portal Rasmi JAKIM*, 2 Februari 2021. 14.2.2025 https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus.

[9] Muhammad Abu Zahrah. *Usul al-Fiqh.* Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1985.

[10] Muhammad Abu Zahrah. *Usul al-Fiqh.* Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1985.

[11] Amir Syarifuddin. *Usul Fiqh*, Jilid II. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999

[12] al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. *al-Furūq (Anwār al-Burūq fī Anwāʿ al-Furūq).* Kaherah: ʿĀlam al-Kutub, t.t

[13] al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. *al-Furūq (Anwār al-Burūq fī Anwāʿ al-Furūq).* Kaherah: ʿĀlam al-Kutub, t.t

kepada kemudaratan yang lebih besar, termasuk menggalakkan lagi perlakuan yang dilarang oleh syarak.

**Mencegah Mudarat Lebih Utama Daripada *Maslahah***

**Pertimbangan antara *al-masalih* dan *al-mafasid* apabila terjadi pertembungan antara keduanya:**

Dalam kaitan ini, para ulama usul telah menetapkan beberapa kaedah dan panduan,

{ درء المفاسد مقدم على جلب المصالح }

Maksudnya, "*Mencegah kerosakan mesti diutamakan daripada memetik kemaslahatan (kebaikan)*[14]*".*

Kaedah ini digunakan dalam keadaan berlaku pertentangan antara sesuatu kemaslahatan dengan kemudaratan, khususnya apabila kedua-duanya berada pada tahap yang seimbang. Kaedah tersebut antara lain dibincangkan dalam karya *al-Ashbah wa al-Naza'ir* oleh al-Suyuti dan *al-Muwafaqat* oleh al-Shatibi.

Apabila berlaku pertentangan antara kemaslahatan dan kemudaratan dalam sesuatu perkara, maka mengelakkan kemudaratan perlu diutamakan berbanding memperoleh kemaslahatan. Ini kerana Allah SWT lebih menekankan pencegahan terhadap perkara yang dilarang berbanding pelaksanaan perkara yang diperintahkan. Kaedah ini selaras dengan hadis Nabi SAW yang berbunyi [15]:

{ مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوْهُ وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فأْتُوْا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ؛ }

Maksudnya, *"Apa saja yang aku larang kalian darinya maka jauhilah, dan apa saja yang aku perintahkan kepada kalian maka kerjakanlah semampu kalian…"* (Muslim. Hadis 1337).

Menurut Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) kali ke-122 yang bersidang pada 18 hingga 20 Oktober 2023[16], isu berkaitan pelaksanaan pemberian ubat PrEP bagi tujuan pencegahan HIV telah dibincangkan. Antara ketetapan yang telah diputuskan oleh MKI ialah, pertama: pemberian ubat PrEP adalah diharuskan kepada pasangan suami isteri yang sah.

Kedua: pemberian dan pengambilan ubat PrEP untuk tujuan maksiat adalah dilarang sama sekali. Ketiga: semua pihak perlu memainkan peranan dalam membendung gejala sosial seperti penagihan dadah dan perlakuan LGBT bagi mengelakkan penularan HIV. Keempat: penekanan perlu diberikan kepada pendekatan seperti pendidikan abstinen, program kerohanian, intervensi psiko-spiritual, serta advokasi kepada masyarakat bagi menjauhi larangan dalam Islam dan norma yang bertentangan dengan budaya masyarakat. Akhir sekali, negara 7 hendaklah secara jelas menentang amalan seks songsang, khususnya homoseksual, di Malaysia[17].

---

[14] Jalal al-Din al-Suyuti, *Al-Ashbah wa al-Naza'ir* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 87.
[15] Zulfaqar Mamat. "*Pengurusan Perkahwinan Masyarakat Rohingya Di Malaysia Menurut Perspektif Undang-undang Dan Syariah*." *KANUN : Jurnal Undang-Undang Malaysia* 32, no. 2 (2020): 243– . Universiti Sains Islam Malaysia.17.3.2025 https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/03bf7c67-ee3b-4106-bb63-5fb7d31a3f11/content
[16] Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). *Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-122*, 18–20 Oktober 2023. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2023.
[17] Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). *Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-122*, 18–20 Oktober 2023. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2023.

Selain itu, menurut Imam al-Subki dalam kitabnya *al-Ibhāj fī Sharḥ al-Minhāj*, beliau menyatakan: "Kita menolak pandangan orang yang sentiasa mengutamakan aspek *mafsadah* dalam keadaan di mana *maṣlaḥah* lebih kuat. Ini kerana kaedah tersebut hanya boleh diterapkan apabila aspek *mafsadah* adalah setara dan sebanding dengan aspek *maṣlaḥah*. Hanya pada ketika itulah kaedah *dar'u al-mafāsid muqaddamun 'alā jalb al-maṣāliḥ* boleh diaplikasikan." [18]

Oleh itu, kajian ini menegaskan pandagan bahawa menghalang kemudaratan adalah lebih utama daripada mengambil manfaat. Dalam konteks ini, penolakan secara menyeluruh terhadap pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual wajar diutamakan. Hal ini adalah kerana penggunaan ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP) mempunyai maslahah dari aspek perubatan, khususnya dalam mengurangkan risiko jangkitan HIV, memelihara nyawa (*hifz al-nafs*) dan mencegah penularan penyakit.

Namun, maslahah tersebut perlu ditimbang bersama mafsadah yang mungkin timbul apabila PrEP digunakan sebagai wasilah untuk meneruskan perlakuan homoseksual yang bertentangan dengan hukum syarak. Dalam keadaan tersebut, manfaat pencegahan HIV tidak boleh dijadikan asas untuk mengharuskan perlakuan yang telah dilarang oleh syarak.

Justeru, berdasarkan prinsip *sadd al-dhara'i* dan pertimbangan antara maslahah dan mafsadah, pemberian PrEP bagi tujuan meneruskan perlakuan yang diharamkan wajar dielakkan, manakala penggunaannya bagi tujuan pencegahan jangkitan dalam konteks yang dibenarkan syarak boleh dinilai berdasarkan keadaan dan tujuan penggunaannya. Hal ini selaras dengan kenyataan Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang melarang pemberian ubat PrEP sekiranya bertujuan untuk melakukan maksiat.

**PENUTUP**

Tuntasnya, isu pemberian PrEP kepada golongan homoseksual memerlukan kajian yang lebih mendalam. Walaupun beberapa negeri di Malaysia telah mengeluarkan keputusan hukum berkaitan penggunaan PrEP, kajian lanjut masih diperlukan untuk memahami asas dan sebab di sebalik penetapan hukum tersebut. Hal ini kerana keputusan yang dikeluarkan tidak semuanya sama, sebaliknya bergantung kepada tujuan penggunaan, golongan penerima, tahap risiko serta pertimbangan maslahah dan mafsadah.

Oleh itu, kajian dari perspektif fiqh dan *maqasid al-Syariah* penting untuk mengenal pasti *'illah* hukum dan memastikan penggunaan PrEP dapat dilaksanakan selaras dengan prinsip syarak serta keperluan kesihatan semasa. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual adalah dianggap haram menurut pandangan beberapa ahli Majlis Fatwa di Malaysia.

Ini kerana perbuatan tersebut jelas tidak selari dengan prinsip dan nilai-nilai Islam. Sebagai rumusan, kajian ini merumuskan bahawa hukum pemberian PrEP haruslah merujuk kepada fatwa yang telah dikeluarkan oleh beberapa negeri di Malaysia, termasuk Perlis, Pulau Pinang, Selangor, dan Pahang.

Tambahan lagi, fatwa cuba mengimbangi keperluan mencegah HIV dengan kebimbangan bahawa pemberian PrEP boleh menyebabkan seseorang terus melakukan perbuatan yang dilarang syarak. Oleh itu, PrEP boleh diberikan dalam keadaan tertentu, khususnya apabila bertujuan mencegah jangkitan HIV dan mempunyai keperluan perubatan. Namun, pemberian tersebut tidak bertujuan menggalakkan atau membolehkan seseorang meneruskan perbuatan maksiat.

Syarat seperti saringan kesihatan, pemantauan, kaunseling dan bimbingan agama turut dikenakan bagi memastikan penggunaan PrEP benar-benar berfokus kepada pencegahan HIV. Pendekatan ini menunjukkan usaha menggabungkan aspek kesihatan dengan prinsip syariah.

[18] al-Subki, Taqi al-Din Ali ibn Abd al-Kafi. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995, hlm. 65.

Walau bagaimanapun, usaha kerajaan untuk mengekangkan penularan virus HIV semakin meningkat harus diberikan pujian. Hal ini demikian kerana untuk memastikan keselamatan individu yang terkena HIV dipelihara daripada krisis virus HIV yang bahaya ini. Justeru, KKM perlu menetapkan syarat yang khusus kepada individu yang layak menerima ubat PrEP ini bagi mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu juga, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu mengambil kira keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti agama, khususnya JAKIM dan institusi fatwa negeri, dalam pembangunan garis panduan penggunaan ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP).

Pembangunan garis panduan tersebut juga wajar melibatkan kolaborasi antara pakar perubatan dan pakar syariah bagi memastikan aspek kesihatan dan hukum Islam dapat dipertimbangkan secara seimbang. Selain itu, pegawai agama di institusi hospital perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyampaikan serta menjelaskan keputusan fatwa kepada pegawai perubatan dan pesakit agar pelaksanaan penggunaan PrEP selaras dengan keperluan perubatan dan prinsip syariah.

**RUJUKAN**

Abd Kadir, Farhana. "Peningkatan kes HIV seiring kejatuhan moral anak muda." Sinar Harian, 10 Julai 2024. 18.2.2025 https://www.sinarharian.com.my/article/674167/suara-sinar/analisis-sinar/peningkatan-kes-hiv-seiring-kejatuhan-moral-anak-muda

Abdullah bin Muhammad Basmieh. Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2011.

Amir Syarifuddin. Usul Fiqh, Jilid II. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999.

Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N. (2018). Peran Maqasid Syariah Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam Di Malaysia. Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies, 2(1), 35-46.

Berita Harian. "Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM." Berita Harian Online, 22 Oktober 2018. 20.2.2025 https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972

Berita Harian. "KKM laksana projek rintis penggunaan ubat HIV." Berita Harian Online, 12 Disember 2022. 18.2.2024 https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1038660/kkm-laksana-projek-rintis-penggunaan-ubat-hiv

Danial Zainal Abidin. Konsep Perubatan Islam. Pulau Pinang: Pustaka Nahnu, 1988.

Ibn Kathir, Ismail bin 'Umar. Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm. Riyadh: Dār Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzīʿ, 2004. (jil/ms)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. "Huraian Aplikasi Lima (5) Prinsip Maqāṣid Syariah Dalam Tadbir Urus." Portal Rasmi JAKIM, 2 Februari 2021. https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus. 14.2.2025

Jabatan Mufti Negeri Johor. Hukum pegawai perubatan memberikan preskripsi ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) percuma kepada golongan berisiko tinggi HIV. 23.1.2025 https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=1604.

Jabatan Mufti Negeri Kedah. Irsyad al-Fatwa: Rawatan Pencegahan Penyakit HIV (PrEP HIV). Alor Setar: Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2023. 23.1.2025 https://ifatwa.kedah.gov.my/wp-content/uploads/2023/11/Irsyad-al-Fatwa-Rawatan-Pencegahan-Penyakit-HIV-PREP-HIV.pdf

Jabatan Mufti Negeri Pahang. Cadangan Hukum Berkenaan Penggunaan Ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) Sebagai Pencegahan HIV bagi Golongan Berisiko Tinggi di Negeri Pahang. Kuantan: Jabatan Mufti Negeri Pahang, 2024. 23.1.2025 https://mufti.pahang.gov.my/fatwa/2024/cadangan-hukum-berkenaan-

penggunaan-ubat-pre-expose-prohylaxis-prep-sebagai-pencegahan-hiv-bagi-golongan-berisiko-tinggi-di-negeri-pahang

Jabatan Mufti Negeri Perlis. "Hukum pemberian ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) kepada golongan yang berisiko." Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis, 31 Mei 2022. 23.1.2025 https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/835-hukum-pemberian-ubat-pre-exposure-prophylaxis-prep-kepada-golongan-yang-berisiko

Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2025, September 8). Hukum pemberian dan pengambilan ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) bagi tujuan pencegahan penyakit Human Immunodeficiency Virus (HIV). Jabatan Mufti Negeri Selangor

Jabatan Mufti Negeri Selangor. "Apakah hukum seorang pengamal perubatan memberikan ubat pencegah jangkitan HIV (pre-exposure prophylaxis/PrEP) kepada individu yang mengamalkan homoseksual dalam keadaan pengamal perubatan menyedari bahawa kajian menunjukkan tingkah laku homoseksual tetap tinggi malah makin meningkat dengan penggunaan PrEP?" EmuSykil – Soal Jawab Agama, 2023. 23.1.2025 https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=3573

Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-122, 18–20 Oktober 2023. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2023.

Kementerian Kesihatan Malaysia. Laporan Tahunan 2020. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020. Ms 214. 2.2.2025 https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Penerbitan%20Utama/ANNUAL%20REPORT/Laporan_Tahunan_KKM_2020.pdf

Kementerian Kesihatan Malaysia. Laporan Tahunan 2021. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021. Ms 82. 2.2.2025 https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Penerbitan%20Utama/ANNUAL%20REPORT/Laporan_Tahunan_KKM_2021-compressed.pdf

Kementerian Kesihatan Malaysia. Laporan Tahunan 2023. Dikemaskini 2 Januari 2025. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia. Ms 76. 2.2.2025 https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Penerbitan%20Utama/Laporan_Tahunan_KKM_2023_updt_2Jan2025.pdf

Kementerian Kesihatan Malaysia. Malaysian Guidelines for the Management of Sexually Transmitted Infections (STIs), 2024. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia, 2024.

Kementerian Kesihatan Malaysia. National Guideline on HIV PrEP Program Implementation 2025. Putrajaya: Ministry of Health Malaysia, 2025, hlmn 11. 2.5.2025

Malaysian AIDS Council. (n.d.). HIV data. https://mac.org.my/v4/hiv-data

Mohd Ali. "Waspada LGBT pelajar universiti." Utusan Melayu, 9 Oktober 2018. Diakses melalui fail PDF: file:///C:/Users/60194/Downloads/55-Article%20Text-147-1-10-20201208.pdf.

Muhammad Abu Zahrah. Usul al-Fiqh. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1985.

National Guideline on HIV PrEP Program Implementation. 2025. Dipetik daripada https://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/70/258?print=1

al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. al-Furūq (Anwār al-Burūq fī Anwāʿ al-Furūq). Kaherah: ʿĀlam al-Kutub, t.t.

Rosidi, M. H., Ismail, A. M., & Mokhtar, A. W. (2025). Analisis pelaksanaan ART dan PrEP dalam membendung HIV: Perspektif Syariah. Journal of Fatwa Management and Research, 30(1), 174–198. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no1.615

Al-Shatibi, Abu Ishaq. Al-Muwafaqat. Dar Ibn 'Affan, 1997.

al-Subki, Taqi al-Din Ali ibn Abd al-Kafi. Al-Ashbah wa al-Naza'ir. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995, hlm. 65.

Al-Suyuti, Jalal al-Din. Al-Ashbah wa al-Naza'ir. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990, hlm. 87

Zulfaqar Mamat. "Pengurusan Perkahwinan Masyarakat Rohingya Di Malaysia Menurut Perspektif Undang-undang Dan Syariah." KANUN : Jurnal Undang-Undang Malaysia 32, no. 2 (2020): 243– . Universiti Sains Islam Malaysia. https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/03bf7c67-ee3b-4106-bb63-5fb7d31a3f11/content

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*